



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Ministry of Education
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Johor State Education Department
Jalan Tun Abdul Razak
80604, Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim

Telefon : 07-231 0000
Pengarah : 07-231 0198
Timbalan : 07-231 0191
Faks : 07-234 7132
Portal : www.jpjohor.moe.gov.my
E-mel : jpn.johor@moe.gov.my

Ruj. Tuan : MHSJC/22/37

Ruj. Kami : JPNJ.600-11/2/4 Jld. 6(32)

Tarikh : 27 Disember 2024

Shanmuganathan a/l Suppiah

Ketua Biro Pendidikan

Malaysia Hindu Sangam (MHS) Johor State Council,

61, Tkt 1, Taman Saujana Perdana 1,

Taman Saujana,

86000 Kluang,

Johor

Tuan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN KEBENARAN MENGADAKAN PERTANDINGAN NANNERY VILLA (BINA INSAN BERNILAI MURNI) PERINGKAT DAERAH DAN PERINGKAT NEGERI JOHOR 2025 YANG MELIBATKAN PELAJAR INDIA SEKOLAH MENENGAH DAN SEKOLAH RENDAH DI PREMIS SEKOLAH NEGERI JOHOR

Dengan segala hormatnya surat permohonan tuan yang diterima pada 12 Disember 2024 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) amat berbesar hati dan sentiasa mengalu-alukan usaha pihak agensi luar dalam menyokong pembangunan pendidikan murid-murid negara ini. Usaha ini adalah sejajar dengan Hasrat Anjakan ke-9 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025: bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas.

3. Oleh itu, dimaklumkan JPNJ tiada halangan memberi kelulusan kepada permohonan tuan untuk melaksanakan program tersebut pada Februari 2025. Kelulusan ini **TERHAD** untuk urusan dengan pentadbir sekolah sahaja dan tiada unsur paksaan. Walau bagaimanapun, pihak tuan perlu mengadakan perbincangan dengan Pegawai Pendidikan Daerah yang terlibat untuk mendapatkan pandangan dan kaedah yang terbaik bagi melaksanakan program tersebut memandangkan sekolah, guru dan murid terlibat adalah di bawah pentadbiran daerah berkenaan di samping mematuhi syarat-syarat berikut:

- 3.1 Penglibatan guru dan murid mesti mendapat kebenaran Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Pengetua/ Guru Besar sekolah-sekolah terlibat;
- 3.2 Surat Kebenaran/kelulusan ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.3 Penyertaan guru dan murid tidak mengganggu atau menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP);

...2/-

MAKLUM BALAS PERMOHONAN KEBENARAN MENGADAKAN PERTANDINGAN NANNERY VILLA (BINA INSAN BERNILAI MURNI) PERINGKAT DAERAH DAN PERINGKAT NEGERI JOHOR 2025 YANG MELIBATKAN PELAJAR INDIA SEKOLAH MENENGAH DAN SEKOLAH RENDAH DI PREMIS SEKOLAH NEGERI JOHOR

- 3.4 Pihak penganjur adalah **bertanggungjawab sepenuhnya** terhadap **keselamatan dan kebajikan** murid dan guru yang terlibat dengan program tersebut;
- 3.5 Murid, warga sekolah mahupun pihak sekolah sendiri **tidak boleh dipaksa atau diwajibkan** terlibat dengan program ini;
- 3.6 Penyertaan **guru dan murid** hendaklah **secara sukarela** dan **penyertaan murid** hendaklah mendapat **kebenaran bertulis** daripada ibu bapa atau penjaga;
- 3.7 Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan untuk membuat liputan dan rakaman media program dengan mengemukakan permohonan berserta dokumen lengkap kepada Unit Komunikasi Korporat, KPM selepas mendapatkan maklum balas/ surat sokongan permohonan penganjuran program ini;
- 3.8 Pihak penganjur hendaklah memastikan pihak sekolah telah memaklumkan kepada ibu bapa/ penjaga berhubung aktiviti liputan dan rakaman media sepanjang program ini berjalan;
- 3.9 Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum;
- 3.10 Surat kebenaran/kelulusan ini bukan sebagai pengesahan program dianjurkan **secara kerjasama bersama JPNJ**. Sijil Penyertaan program yang ditandatangani Pengarah JPNJ tidak dibenarkan kecuali program kerjasama dengan pihak JPNJ secara langsung;
- 3.11 Penggunaan logo KPM/JPNJ tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak Penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo KPM/JPNJ berserta dokumen lengkap kepada Unit Komunikasi Korporat selepas mendapatkan maklum balas/surat sokongan permohonan penganjuran program ini. Syarat permohonan adalah seperti di dalam Garis Panduan Penggunaan Logo Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia (<https://www.moe.gov.my/muat-turun/multimedia/logo>);
- 3.12 Sekiranya laporan program diterbitkan atau disiarkan dalam mana-mana platform media, bahan tersebut perlu mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada pihak JPNJ;

MAKLUM BALAS PERMOHONAN KEBENARAN MENGADAKAN PERTANDINGAN NANNERY VILLA (BINA INSAN BERNILAI MURNI) PERINGKAT DAERAH DAN PERINGKAT NEGERI JOHOR 2025 YANG MELIBATKAN PELAJAR INDIA SEKOLAH MENENGAH DAN SEKOLAH RENDAH DI PREMIS SEKOLAH NEGERI JOHOR

- 3.13 Pihak penganjur dimohon agar mengemukakan **satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut;**
 - 3.14 Pihak tuan dimohon memastikan agar penerapan amalan nilai murni dapat dijadikan sebagai salah satu perkara wajib dilaksanakan sebelum/semasa/selepas program berlangsung bagi mendokong elemen tadbir urus insan (*Human Governance*) dalam kalangan guru dan murid sekolah di bawah KPM; dan
 - 3.15 JPNJ berhak menarik balik surat kelulusan/ kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa serta tidak mematuhi garis panduan yang dikeluarkan KPM, MKN dan KKM.
4. Untuk makluman tuan, pihak KPM sentiasa Melindungi Masa Instruksional (MMI), iaitu masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid. Oleh yang demikian pihak kami mencadangkan supaya penyertaan warga sekolah bagi program tersebut diadakan di luar waktu PdP agar tidak menjejaskan waktu PdP murid; dan dilaksanakan di luar waktu persekolahan atau pada hari Sabtu yang dibenarkan sahaja.
5. Kelulusan ini [Permohonan Kebenaran Mengadakan Pertandingan Nannery Villa (Bina Insan Bernilai Murni) Peringkat Daerah Dan Peringkat Negeri Johor 2025 Yang Melibatkan Pelajar India Sekolah Menengah Dan Sekolah Rendah Di Premis Sekolah Negeri Johor] hanya untuk tujuan yang dimohon sahaja dan akan luput selepas 28 Februari 2025. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada pihak JPNJ 30 hari sebelum program dan diemelkan kepada jpn.johor@moe.gov.my. Jika terdapat pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada Encik Amran bin A. Bakar di talian 07-2311476 atau emel amran.abakar@moe.gov.my.

MAKLUM BALAS PERMOHONAN KEBENARAN MENGADAKAN PERTANDINGAN NANNERY VILLA (BINA INSAN BERNILAI MURNI) PERINGKAT DAERAH DAN PERINGKAT NEGERI JOHOR 2025 YANG MELIBATKAN PELAJAR INDIA SEKOLAH MENENGAH DAN SEKOLAH RENDAH DI PREMIS SEKOLAH NEGERI JOHOR

Segala perhatian pihak tuan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI MOHD HANAFI BIN SAMAD)
Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
b.p. Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k. 1. Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Johor
 2. Pengetua dan Guru Besar Sekolah Berkenaan

aab/ProgramNGO